

Sektor air perlu digabungkan
Malaysiakini.com
March 15, 2011

Jaminan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam menangani isu-isu berkaitan dengan air adalah satu detik penting dalam sejarah Malaysia.

Air adalah keselamatan negara dan kegagalan kita akan menjurus kepada masalah jaminan air mentah dan jaminan bekalan.

Salah satu perkara utama yang telah diperhatikan oleh Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) adalah pengurusan air dalam keseluruhan kitar penggunaan air ini adalah masih berasingan.

Terlalu banyak agensi yang terlibat dan tidak diintegrasikan. Sememangnya perubahan iklim akan memberikan impak kepada sumber air, tetapi pengurusan air yang berasingan dari segi struktur boleh memberikan kesan yang jauh lebih teruk berbanding perubahan iklim.

Ini juga telah disentuh oleh Perdana Menteri dalam ucapan beliau baru-baru ini sempena sambutan Hari Air Sedunia peringkat kebangsaan.

Sektor air sebenarnya berfungsi dalam satu sistem tertutup. Air mentah yang kita gunakan adalah daripada alam sekitar.

Air ini dirawat dan dibekalkan kepada pelbagai lapisan pengguna yang akhirnya menghasilkan air sisa. Air sisa ini kemudiannya perlu dirawat sebelum dilepaskan semula ke alam sekitar.

Untuk model ini berfungsi, alam sekitar mesti mempunyai kebolehan untuk menampung parameter keperluan dan pencemaran yang kita lakukan. Ini adalah kerana alam sekitar mempunyai kapasiti pemampatan yang terhad.

Sistem tertutup sebegini adalah lebih bermanfaat kepada kerajaan dan pengguna kerana kita sentiasa terlibat bersama. Jika kita gagal dalam pengurusan secara cekap, ia akan menjurus kepada krisis air, pencemaran dan kadar tarif yang tinggi.

Salah satu langkah pertama adalah menggabungkan semua agensi berkaitan dengan air di bawah satu kementerian. AWER ingin mencadangkan supaya semua agensi persekutuan berkaitan dengan air digabungkan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di peringkat kerajaan persekutuan.

Melalui kaedah ini kerajaan persekutuan dapat mengkoordinasi dengan lebih efektif dengan kerajaan negeri.

Air adalah anugerah alam, hanya melalui cara kita menguruskannya dapat membezakan Malaysia daripada yang lain.

Penulis adalah presiden, Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER)

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/158629>